




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

12 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 796 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 359,018 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,763 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 327,504 orang. Manakala 1,023 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 734 orang di hospital, 272 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 51 orang merangkumi 46 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan angka jangkitan baharu di bawah paras 1,000 hari ini, iaitu 796 kes. Ini merupakan penurunan sebanyak 380 kes berbanding semalam. Kali terakhir Sabah mencatatkan kes di bawah paras 1,000 kes ialah pada 4 Februari 2022.
- b. Sejumlah 15 daerah mencatatkan penurunan hari ini dengan beberapa daerah merekodkan angka penurunan yang banyak. Antaranya ialah Kota Kinabalu (-179 kes), Penampang (-78 kes), Tenom (-25 kes) dan Tuaran (-24 kes). Hanya lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes dan empat (4) daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- c. Tiga (3) kluster diisyiharkan tamat dengan dua (2) daripadanya melibatkan kluster institusi pendidikan iaitu Kluster Jalan Taman Beringin, Kota Marudu dan Kluster Madai Dua, Kunak, manakala satu (1) kluster lagi adalah kluster komuniti iaitu Kluster Kg. Weston, Beaufort. Jumlah kluster yang masih aktif di Sabah ialah 26 kluster.
- d. Secara keseluruhan, hanya dua (2) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Kota Kinabalu 177 kes dan Tuaran 102 kes. Sejumlah 15 daerah mencatatkan kes dua (2) angka sementara jumlah daerah yang mencatatkan kes satu (1) angka ialah 10 daerah. Walaupun jumlah daerah yang mencatatkan kes tiga (3) dan dua (2) angka telah berkurangan serta angka jangkitan yang lebih rendah di kebanyakan daerah tetapi perlu ambil perhatian bahawa peratusan jangkitan sporadik kekal tinggi iaitu hampir 65%.
- e. Sebanyak 779 atau 97.86% daripada 796 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, 10 kes dalam Kategori 4 dan empat (4) kes dalam Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	195	24.50%
3	Bergejala	517	64.95%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	84	10.55%
JUMLAH		796	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (11 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 11/03/2022	Catatan Kes 12/03/2022	Perbandingan
1	Beaufort	28	45	+17
2	Sandakan	29	39	+10
3	Kuala Penyu	21	26	+5
4	Kudat	14	19	+5
5	Nabawan	5	8	+3
6	Kota Marudu	22	24	+2
7	Kalabakan	3	5	+2
8	Tongod	2	3	+1
3	Keningau	26	26	mendatar
10	Kinabatangan	8	8	mendatar
11	Kunak	2	2	mendatar
12	Semporna	1	1	mendatar
13	Kota Kinabalu	356	177	-179
14	Penampang	139	61	-78
15	Tenom	34	9	-25
16	Tuaran	81	57	-24
17	Ranau	31	12	-19
18	Lahad Datu	34	19	-15
19	Kota Belud	32	19	-13
20	Sipitang	35	23	-12
21	Pitas	19	7	-12
22	Tawau	49	38	-11
23	Telupid	16	5	-11
24	Beluran	15	6	-9
25	Tambunan	35	28	-7
26	Putatan	34	27	-7
27	Papar	105	102	-3
JUMLAH		1,176	796	-380

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	28	125	0	24	177	7472
Papar	0	26	72	0	4	102	1661
Penampang	0	19	40	0	2	61	2105
Tuaran	0	23	28	0	6	57	1929
Beaufort	0	4	37	0	4	45	967
Sandakan	0	5	32	0	2	39	743
Tawau	0	2	30	0	6	38	977
Tambunan	0	16	12	0	0	28	463
Putatan	0	3	24	0	0	27	916
Keningau	0	8	14	0	4	26	1112
Kuala Penyu	0	18	5	0	3	26	478
Kota Marudu	0	10	11	0	3	24	591
Sipitang	0	13	10	0	0	23	534
Kota Belud	0	2	13	0	4	19	965
Lahad Datu	0	0	14	0	5	19	455
Kudat	0	0	17	0	2	19	298
Ranau	0	4	2	0	6	12	407
Tenom	0	0	7	0	2	9	738
Nabawan	0	5	3	0	0	8	188
Kinabatangan	0	1	2	0	5	8	176
Pitas	0	1	6	0	0	7	268
Beluran	0	5	1	0	0	6	213
Telupid	0	2	3	0	0	5	202
Kalabakan	0	0	5	0	0	5	77
Tongod	0	0	3	0	0	3	155
Kunak	0	0	1	0	1	2	88
Semporna	0	0	0	0	1	1	58
JUMLAH	0	195	517	0	84	796	24,236

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,786 unit
- Hospital 1,653 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,893 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 27.02%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 12 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	789
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	4
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
Jumlah	796

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Korea Selatan	1
Jumlah	1

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Kelantan	2
Wp Kuala Lumpur	1
Sarawak	1
Jumlah	4

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	765
Bukan Malaysia	31
Jumlah	796

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	54
Belum Menerima Vaksin (5-11)	31
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	44
Menerima 1 Dos	12
Lengkap 2 Dos	365
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	290
Jumlah	796

Iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	13
1-4	41
5 -11	40
12-17	41
18-29	190
30-39	206
40-49	113
50-59	65
60-69	55
70-79	22
80-89	9
>90	1
Jumlah	796

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 11 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,631 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,211 orang adalah penduduk dewasa, 144 orang adalah penduduk remaja dan 2,276 orang adalah penduduk kanak-kanak..
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 11 Mac 2022 adalah seramai 2,537,460 orang. Ini meliputi 2,129,812 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.40% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,526 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,690 orang atau 76.85% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,827 orang atau 77.86% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 315,836 atau 74.11% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 75,821 atau 18.43% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **684,524** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 159 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Imigresen 1959/63 Dan Akta Perikanan 1985.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 765 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 210 premis perniagaan dan 287 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 48 Premis Perniagaan melibatkan 37 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 212 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 316 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Sipitang	98.6%
3	Kudat	98.6%
4	Keningau	98.5%
5	Kinabatangan	98.5%
6	Kota Marudu	98.4%
7	Beluran	98.4%
8	Tenom	98.4%
9	Semporna	98.4%
10	Kota Belud	98.4%
11	Beaufort	98.4%
12	Kota Kinabalu	98.4%
13	Sandakan	98.4%
14	Penampang	98.4%
15	Ranau	98.3%
16	Papar	98.3%
17	Lahad Datu	98.3%
18	Tawau	98.3%
19	Tuaran	98.3%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II